



Kita mahu REE sepenuhnya diproses di Kelantan – TMB Kelantan

Kemasukan tingkatan satu sekolah YIK 2026 meningkat 2.9 peratus

Kelantan optimis capai sasaran hasil padi empat tan sehektar menjelang 2026

Lima kawasan mendulang emas diwartakan di Kelantan bagi fasa pertama

Ahli majlis diseru gerakkan agenda Pelan Tindakan Bandar Pintar

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 12 Januari – Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diseru untuk menggerakkan agenda Pelan Tindakan Bandar Pintar di kawasan masing-masing bagi memastikan inisiatif bandar pintar Kelantan benar-benar direalisasikan sepanjang tahun 2026.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, tahun 2026 telah diisytiharkan sebagai tahun pelaksanaan sebenar agenda Bandar Pintar Negeri Kelantan, justeru ahli majlis perlu memikul peranan penting sebagai penggerak di peringkat PBT.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyampaian Watak Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan 2026 di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

"Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seramai 288 orang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang telah dilantik bagi



sesi tahun 2026.

"Pelantikan ini merupakan pengiktirafan dan manifestasi kepercayaan besar kerajaan negeri, yang hadir bersama amanah dan tanggungjawab berat untuk digalas demi kepentingan rakyat dan pembangunan negeri," katanya.

Pada masa yang sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada ahli majlis sesi terdahulu yang disifatkan telah mencurahkan khidmat bakti dengan penuh kesungguhan dan dedikasi kepada PBT serta masyarakat setempat.

Menurutnya, setiap PBT telah

diarahkan untuk menyediakan dan melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Pintar berpandukan Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040.

"Tanggungjawab ahli majlis adalah memastikan perancangan tersebut benar-benar diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang memberi impak kepada rakyat," ujarnya.

Beliau menegaskan, selain memfokuskan pembangunan dan pengurusan infrastruktur fizikal, ahli majlis juga mempunyai amanah besar membina peradaban mas-

“

Pelantikan ini merupakan pengiktirafan dan manifestasi kepercayaan besar kerajaan negeri, yang hadir bersama amanah dan tanggungjawab berat untuk digalas demi kepentingan rakyat dan pembangunan negeri,”

yarakat.

Katanya lagi, keutamaan harus diberikan kepada pembinaan insan dari aspek akhlak, rohani dan pemikiran sebelum membangunkan struktur fizikal serta kemajuan material.

"Saya teringat satu ungkapan yang masyhur iaitu pembinaan insan didahulukan sebelum membina bangunan. Maksudnya keutamaan adalah membina manusia dari sudut akhlak, rohani dan pemikiran sebelum membina struktur fizikal dan kemajuan material," jelasnya.



Kita mahu REE sepenuhnya diproses di Kelantan – TMB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 14 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan hasrat supaya unsur nadir bumi (REE) diproses sepenuhnya di negeri ini, meliputi peringkat hulu, pertengahan dan hiliran, agar nilai tambah yang terhasil dapat memberi manfaat maksimum kepada rakyat Kelantan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, kerajaan negeri tidak mahu REE hanya dikeluarkan dalam bentuk mentah, sebaliknya mahu aktiviti pemprosesan dan pembinaan kilang berkaitan dilaksanakan di Kelantan bagi menjana peluang pekerjaan serta pemindahan teknologi.

“Apa yang kita nak dengan REE ini ialah kita bukan sahaja jual dalam bentuk REE mentah, tetapi kita nak ia diproses di sini secara upstream, midstream dan downstream. Kalau boleh, sepenuhnya REE ini diproses di Kelantan,” ka-



tanya pada sidang media di Mabna, hari ini.

Menurutnya, kerajaan negeri telah mengenal pasti beberapa kawasan berpotensi dan telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Lynas Malaysia, selain sedang berbincang dengan beberapa syarikat lain.

“Berkaitan dengan REE, kita sudah pun mengenal pasti beberapa tempat dan menandatangani MoU dengan Lynas dan sekarang ini kita sedang berbincang dengan beberapa syarikat melalui agensi-agensi kerajaan negeri terutama-

nya Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK),” ujarnya.

Beliau menjelaskan, setakat ini pengurusan REE masih tertakluk di bawah Enakmen Mineral sedia ada, manakala Dasar Luar Negara berkaitan REE berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan negeri katanya sedang menunggu dasar dan garis panduan jelas daripada Kerajaan Persekutuan.

Pada masa sama, beliau me-



maklumkan bahawa banyak syarikat dari dalam dan luar negara telah mengemukakan tawaran.

“Sekarang ini kita nak cari syarikat yang paling baik tawarannya. Ramai syarikat datang tawarkan, dari China, dari luar. Jadi kita dalam proses kenal pasti syarikat terbaik,” katanya.

Dato' Dr Mohamed Fadzli menegaskan, fokus kerajaan negeri adalah memastikan sektor REE memberi pulangan optimum kepada Kelantan, di samping diurus secara teratur dan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

“Set Kito Jange Pecoh” pemangkin kesatuan NGO anak Kelantan di perantauan – YB Mohd Asri



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 12 Januari — Slogan “Set Kito Jange Pecoh” diharap menjadi pemangkin kepada kesatuan dan kebersamaan NGO anak-anak Kelantan di perantauan untuk terus bersama kerajaan negeri di bawah dasar Membangun Bersama Islam.

Harapan itu disuarakan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Daud ketika hadir menyampaikan ucapan pada Majlis Mahabbah Muafakat NGO Anak-Anak Kelantan Di Perantauan yang diadakan di sebuah restoran di

Kampung Pandan, pada Ahad.

Beliau berkata, majlis itu disusun di bawah agenda mobilisasi muafakat NGO perantau di Kelantan.

“Majlis ini bertujuan menghimpunkan NGO-NGO anak Kelantan di perantauan termasuk PERAKAN Malaysia” katanya di laman rasmi, semalam.

Menurutnya, program berkenaan diurus setia oleh Urus Setia Penerangan Kerajaan Negeri (UPKN) dengan kerjasama Mobilisasi Muafakat yang dikendalikan oleh Pegawai Khas di Pejabat Menteri Besar Wan Hassan Wan

Ibrahim.

Dalam masa yang sama, YB Mohd Asri menzahirkan penghargaan kepada semua pengerusi dan wakil NGO yang hadir antaranya Persatuan Kebajikan Pemandu Teksi Anak Kelantan (PETAK), Kelab Penyokong Pahlawan Merah Malaysia, Ukhwatan Malaysia, Jalanan Ukhwah Anak-Anak Kelantan (JUAAK), Anak Kelantan Ampang (AKA) bersama selebriti Mustapha Kamal, Perantau Pasir Puteh serta Pengusaha Bas Anak Kelantan.

Beliau berkata, kebersamaan NGO perantau itu amat bermakna kerana mereka mewakili suara

anak-anak Kelantan di luar negeri dan menjadi jambatan yang menghubungkan perantau dengan pentadbiran negeri.

Katanya lagi, selagi prinsip kesatuan dipelihara, usaha memartabatkan negeri dan memberi manfaat kepada rakyat akan dapat digerakkan secara lebih tersusun.

“Dengan semangat ‘Set Kito Jange Pecoh’, harapnya akan menjadi pemangkin kesatuan dan kebersamaan anak-anak perantau bersama Kerajaan Negeri Kelantan. Kita pakat sayang Kelantan kita di bawah dasar Membangun Bersama Islam,” ujarnya.



Kemasukan tingkatan satu sekolah YIK 2026 meningkat 2.9 peratus

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 13 Januari – Kemasukan murid tingkatan satu di sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi sesi persekolahan tahun 2026 mencatatkan peningkatan sebanyak 169 pelajar atau bersamaan 2.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat memaklumkan bahawa analisis hari pertama persekolahan pada tahun ini menunjukkan perkembangan positif bagi sekolah-sekolah di bawah kelolaan YIK.

Menurutnya, jumlah keseluruhan pelajar tingkatan satu pada ta-



hun 2025 adalah sebanyak 5,676 orang, manakala bagi tahun 2026, bilangan pelajar telah meningkat kepada 5,845 pelajar.

“Peningkatan ini memperlihatkan keyakinan berterusan ibu bapa terhadap sistem pendidikan YIK” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Berdasarkan kategori sekolah,

Maahad mencatatkan jumlah pelajar tertinggi dengan sebanyak 3,052 orang, diikuti Maahad Tahfiz dan Maahad Tahfiz Sains seramai 604 orang.

Sekolah Menengah Ugama (Arab) pula merekodkan seramai 1,225 pelajar, manakala Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) mencatatkan kemasukan seramai

964 orang bagi tingkatan satu tahun ini.

Terdahulu, beliau diiringi Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar serta beberapa pegawai pengurusan tertinggi YIK mengadakan kunjungan ke Sekolah Maahad Amir Indera Petra sempena hari pertama sesi persekolahan pada 11 Januari lalu.



Projek pembinaan jambatan Taman Sabariah siap

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 Januari - Projek pembinaan jambatan di Taman Sabariah yang menghubungkan Dewan Negeri (DUN) Kijang dan DUN Tanjung Mas telah siap sepenuhnya dan kini boleh digunakan dengan selamat oleh penduduk setempat.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, siapnya projek itu memberi kelegaan kepada rakyat hasil tindakan pantas kerajaan negeri susulan aduan yang diterima berhubung keadaan jambatan lama di kawasan berkenaan.

Menurutnya, laporan berkenaan diterima daripada Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjung Mas YB Dato' Rohani sebelum satu lawatan tapak dilakukan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu bagi menilai keadaan sebenar jambatan tersebut.

“Hasil lawatan itu, keputusan segera dibuat untuk melaksanakan kerja baik pulih secara menyeluruh. JPS telah mengambil tindakan awal dan proses tender dipercepatkan sebelum kontraktor



memulakan kerja pembinaan pada Oktober 2025,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau berkata, projek bernilai RM400,000 itu berjaya disiapkan mengikut tempoh ditetapkan hasil kerjasama baik antara kontrak-

tor dan pihak pemantau daripada JPS.

“Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi kerajaan serta pihak kontraktor atas komitmen dan kerjasama dalam memastikan kemu-

dahan awam serta keselamatan rakyat terus terpelihara,” katanya.

Pembinaan jambatan baharu itu dijangka melancarkan pergerakan penduduk selain meningkatkan tahap keselamatan pengguna di kawasan berkenaan.



Kelantan optimis capai sasaran hasil padi empat tan sehektar menjelang 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 Januari - Kerajaan Negeri Kelantan bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemasin Semerak (IADA Kemasin Semerak) optimis mencapai sasaran peningkatan purata hasil padi daripada tiga tan sehektar kepada empat tan sehektar pada tahun 2026.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata beberapa inisiatif strategik telah dirancang bagi merealisasikan sasaran tersebut termasuk pemantapan jadual penanaman padi, penggunaan benih berkualiti tinggi serta pengurusan baja yang lebih efisien



menerusi pendekatan Precision Farming.

Menurutnya, langkah berkenaan bertujuan meningkatkan produktiviti hasil padi dan dapat menjamin kelestarian sektor pertanian serta menambah pendapatan golongan petani di negeri ini.

"IADA Kemasin Semerak memainkan peranan penting dalam pembangunan pertanian bersepadu

di kawasan Kemasin dan Semerak, khususnya dari aspek pengurusan pengairan dan saliran, pembangunan sawah padi serta pemeraksanaan petani," katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Terdahulu Dato' Tuan Mohd Saripudin menerima kunjung hormat daripada Pengarah baharu IADA Kemasin Semerak Md Faizal Hassan.



Dalam pertemuan tersebut, Dato' Tuan Mohd Saripudin merakamkan ucapan selamat datang dan tahniah kepada Md Faizal atas pelantikan berkenaan.

"Saya berharap kepimpinan beliau dapat membawa kemajuan, inovasi dan meningkatkan lagi hasil pertanian yang lebih mapan demi kesejahteraan rakyat Kelantan," ujarnya.

PBT perlu rancang pembangunan bandar secara berperingkat dan berhemah – YB Hilmi



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 12 Januari – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Kelantan diingatkan supaya merancang pembangunan bandar secara berperingkat dan berhemah bagi menghadapi fasa peralihan pembangunan fizikal negeri yang semakin pesat.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, Kelantan kini berada dalam fasa penting sementara menunggu impak maksimum beberapa projek infrastruktur mega siap dilaksana-

kan.

Beliau berkata, antara projek utama tersebut termasuk Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (KB-KK), Lebuhraya Central Spine Road (CSR), Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) serta naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) fasa kedua.

"Negeri Kelantan kini berada dalam fasa peralihan pembangunan fizikal yang penting. Sementara menunggu persiapan dan impak penuh projek-projek infrastruktur utama ini, PBT dan ahli majlis perlu segera merancang pembangunan

bandar secara berperingkat dan berhemah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan aluan pada Majlis Penyampaian Watak Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan 2026 di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, perancangan rapi amat diperlukan bagi mengelakkan berlakunya pembangunan tidak terkawal di kawasan bandar serta pinggir bandar.

Selain itu, tambahnya, PBT juga bertanggungjawab memastikan rizab infrastruktur perumahan, perniagaan dan kemudahan awam disusun dengan terancang bagi memenuhi keperluan masa depan rakyat.

"Kita juga mesti bersedia menghadapi lonjakan aktiviti ekonomi dan mobiliti rakyat apabila projek-projek mega ini siap nanti.

"Maka PBT hendaklah bergerak seiring bagi menerima impak pertumbuhan daripada projek-projek mega ini," jelasnya.



Kerja-kerja penurapan jalan utama Gua Musang dalam masa terdekat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Januari – Kerja-kerja penurapan jalan utama di Gua Musang, khususnya laluan sementara di bawah Projek Central Spine Road (CSR) Pakej 3, dijadualkan dilaksanakan dalam masa terdekat bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Exco Kerja Raya, Infrastruk-

tur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, aduan berkaitan kerosakan jalan dikenal pasti di jajaran Projek CSR Pakej 3: Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang, melibatkan Seksyen 3D dari Bulatan Gua Musang ke Mentara yang berada di bawah seliaan Unit Projek Khas Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

“Jajaran berkenaan merupakan laluan sementara (Temporary Road Diversion) dan kerja-kerja penurapan akan dilaksanakan dalam masa terdekat,” katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Beliau menjelaskan, pihak JKR memaklumkan bahawa kesesakan lalu lintas yang berlaku pada 28 Disember 2025 adalah berpunca daripada peningkatan mendadak

jumlah kenderaan sempena musim cuti panjang akhir tahun, sekali gus memberi tekanan tinggi kepada aliran trafik di kawasan tersebut.

“Bagi menangani isu keselamatan dan keselesaan pengguna, JKR telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan melibatkan pengukuhan lapisan bawah tanah (subbase) serta lapisan campuran agregat (crusher run) sepanjang kira-kira 25 hingga 30 meter, dan kerja berkenaan telah siap sepe-
nuhnya.

“Walau bagaimanapun, laluan tersebut masih menunggu pelaksanaan kerja penurapan akhir menggunakan premix. Sehubungan itu, pengguna jalan raya dinasihatkan supaya memperlahankan kenderaan, terutamanya di kawasan peralihan permukaan jalan, bagi mengelakkan sebarang risiko ke-

malangan.

“JKR kini dalam proses menyelesaikan kerja penurapan premix dalam tempoh terdekat bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan sentiasa diberi keutamaan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati orang ramai agar sentiasa mematuhi Pelan Pengurusan Trafik yang dipaparkan dari semasa ke semasa bagi memastikan kelancaran pergerakan kenderaan serta mengelakkan kesesakan melampau di lokasi berkenaan.



Pembangunan Bandar Baru Tunjong pacu pertumbuhan ekonomi jangka panjang Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 Januari – Pembangunan Bandar Baru Tunjong terus menjadi antara agenda utama Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi jangka panjang melalui pembangunan bandar yang tersusun, moden, berdaya saing serta inklusif, mampan dan berimpak tinggi.

Sehubungan itu, satu Majlis Menandatangani Perjanjian Pemilikan dan Pembangunan Tanah antara Kumpulan Damai Abadi (KDA) dan Perbadanan Bandar

Baru Tunjong (PBBT) telah diadakan sebagai sebahagian daripada inisiatif kerajaan negeri dalam memudah cara pelaburan strategik secara tersusun dan berfasa.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan di sebuah hotel di Shah Alam pada Isnin.

YB Dato' Dr Mohamed Fadzli merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan menegaskan bahawa kerjasama tersebut selaras dengan pendekatan tadbir urus pembangunan negeri yang

berteraskan integriti, ketelusan serta pematuhan kepada perancangan induk yang telah digariskan.

Menurutnya, kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memperkukuh keyakinan pelabur di samping memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan memberi nilai tambah kepada ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat.

“Perjanjian ini merangkumi lot strategik di koridor hadapan Lebuh raya Kota Bharu-Pasir Mas yang

dikenal pasti sebagai kawasan utama dalam pelan induk Bandar Baru Tunjong.

“Kedudukan strategik ini berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi bandar dan negeri secara berperingkat agar manfaat pembangunan dapat direalisasikan sepenuhnya, termasuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan, merencanakan kegiatan ekonomi setempat serta memberi limpahan kesejahteraan kepada rakyat,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.



Insentif Khas Taska pastikan kebajikan kanak-kanak terus terpelihara

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 13 Januari – Kerajaan Negeri terus memberi perhatian serius terhadap kebajikan dan keselamatan kanak-kanak di taska melalui pemberian Insentif Khas Taska yang berbentuk bantuan kewangan sebagai usaha memperkukuh sistem pengurusan pusat asuhan.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim memaklumkan bahawa pihaknya bersama pengarah serta pegawai-pegawai Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) telah turun padang menyantuni beberapa penerima Insentif Khas Taska bagi tahun 2025 di daerah Bachok pada 11 Januari lalu.

Menurutnya, lawatan terse-



but diadakan bagi menilai secara langsung tahap pengurusan taska, aspek keselamatan, kebajikan kanak-kanak serta pematuan garis panduan operasi yang telah ditetapkan. “Insentif ini bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi satu ikhtiar kerajaan untuk memastikan anak-anak diasuh dalam perseki-

tan yang selamat, sihat dan berahlak, selari dengan tuntutan Islam yang menekankan amanah menjaga generasi,” katanya di laman rasmi, pada Ahad.

Terdahulu, sebanyak 41 buah taska swasta telah menerima insentif khas kerajaan negeri dengan jumlah keseluruhan RM205,000



pada tahun 2025.

Dato' Rohani turut berharap usaha tersebut menjadi pemangkin kepada kelahiran generasi yang seimbang dari segi fizikal, emosi, intelek dan rohani.

“Insya Allah, kebajikan kanak-kanak akan terus menjadi keutamaan kita bersama,” ujarnya.

Kelantan cadang laksana sistem pengenalpastian ternakan bersepadu



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 Januari - Kerajaan Negeri Kelantan bercadang melaksanakan Sistem Pengenalpastian Ternakan menggunakan teknologi Radio Frequency Identification (RFID) secara bersepadu membabitkan beberapa agensi utama kerajaan negeri dan Persekutuan.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata pelaksanaan sistem itu akan melibatkan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Jabatan

Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVVK).

Menurutnya, sistem berkenaan dijangka mampu memperkukuh aspek biosekuriti, mempercepatkan pengesanan penyakit ternakan serta meningkatkan kecekapan penguatkuasaan MAQIS dan JPVNK, khususnya di pintu masuk sempadan negeri.

“Bagaimanapun, kaedah pelaksanaan perlu diperhalusi di peringkat bagi memastikan kesediaan semua pihak, selain menyokong keperluan pasaran domestik dan eksport melalui sistem pengurusan ternakan yang lebih



telus, berintegriti dan berasaskan data,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Terdahulu, Dato' Tuan Mohd Saripudin mempengerusikan Mesyuarat Cadangan Pelaksanaan Sistem Pengenalpastian Ternakan (RFID) bersama UPEN, KPKB, MAQIS dan JPVNK bagi menyelaraskan pelaksanaan sistem itu secara bersepadu antara agensi berkaitan.

Jelasnya, perbincangan menumpukan aspek teknikal termasuk kaedah penandaan ternakan menggunakan ear tag dan bolus RFID, penggunaan peranti pembaca RFID, integrasi data ke dalam pangkalan data berpusat serta pe-

matuhan standard kebolehkesanan (traceability).

“Ia penting bagi tujuan pemantauan kesihatan ternakan, pergerakan serta rekod ternakan secara menyeluruh,” ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut mengadakan mesyuarat bersama JPVNK bagi menyelaraskan hala tuju perancangan sepanjang 2026, khususnya membabitkan pengurusan kesihatan ternakan, kawalan penyakit serta pemerkasaan rantaian industri ternakan negeri.

Perbincangan itu turut memberi tumpuan kepada penyelarasan antara agensi, pemantapan pelaksanaan di peringkat lapangan serta kesiapsiagaan menghadapi cabaran semasa yang memberi kesan kepada keterjaminan makanan dan industri agroterernakan negeri.

“Insya Allah, penyelarasan yang lebih tersusun dan berfokus ini diharap dapat memastikan setiap inisiatif dirancang berjalan lebih berkesan, memberi impak langsung kepada penternak serta memperkukuh sektor veterinar negeri sepanjang tahun 2026,” katanya.

Penilaian dasar perlu analisis kritikal berteraskan syariah, kemaslahatan – TMB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Januari – Penilaian terhadap isu pentadbiran dan dasar kerajaan tidak boleh dibuat secara literal semata-mata berdasarkan fakta atau dokumen, sebaliknya perlu dianalisis secara kritikal dengan mengambil kira kebenaran tersurat dan tersirat, berpandukan prinsip syariah serta kemaslahatan dunia dan akhirat.

Demikian kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan.

Menurutnya, kerangka amanah pentadbiran kerajaan Negeri Kelantan berpaksikan pendekatan

MBI-UMI, yang menuntut proses membuat keputusan dilakukan melalui penelitian mendalam, mendengar pandangan pelbagai pihak, menilai isu secara konsep istiqra' serta memilih alternatif paling munasabah dan berimpak tinggi.

"Pendekatan ini memastikan setiap keputusan bukan sahaja memberi manfaat dari sudut duniawi, malah selari dengan tuntutan ukhrawi," katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Terdahulu beliau menghadiri Program Master Class Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan di Dewan Teratai, Kom-



pleks Kota Darulnaim.

Program berkenaan menghimpunkan barisan kepimpinan kerajaan negeri bagi sesi perkongsian dan perbincangan berkaitan tadbir urus, kepimpinan serta pengurusan dasar awam dalam konteks semasa.

Antara pengisian utama ialah pembentangan oleh Mantan Speaker Dewan Rakyat dan Mantan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Tan Sri Azhar Azizan @ Harun, yang berkongsi pengalaman serta perspektif luas berkaitan pengurusan institusi, perundangan dan kepimpinan sektor awam.

Antara isu dibentangkan ter-

masuk Perjanjian Perdagangan Timbal Balas antara Malaysia dan Amerika Syarikat (ART), khususnya berhubung terma-terma yang diragui, implikasi perundangan, dasar perdagangan serta kesan terhadap kedaulatan negara.

Mengulas perkara itu, Dato' Dr Mohamed Fadzli menegaskan bahawa sebarang perjanjian antarabangsa perlu difahami dalam konteks persaingan kuasa besar, penjajaran ekonomi strategik serta perubahan imbalan kuasa global.

"Penilaian yang teliti penting bagi memastikan ruang autonomi dasar serta kepentingan negeri dalam kerangka Persekutuan terus terpelihara," tegasnya.

Selain itu, beberapa isu lain turut diutarakan untuk diberi perhatian serius, termasuk aspek perundangan, tadbir urus institusi, kebertanggungjawaban pentadbiran serta implikasi jangka panjang terhadap dasar awam dan kesejahteraan rakyat.

Rakyat Kelantan dipersila meriahkan Karnival Kubang Kerian Sejahtera



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 14 Januari — Ahli Parlimen Kubang Kerian YB Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man mempersilakan seluruh rakyat Kelantan khususnya warga Kubang Kerian hadir memeriahkan Karnival Kubang Kerian Sejahtera (KuKeS 2026) yang akan berlangsung pada 14 hingga 17 Januari 2026 bertempat di Mydin Mall, Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu.

"Ayuh seisi keluarga dan seluruh rakyat Kelantan khususnya

Kubang Kerian, saya menjemput untuk hadir ke Karnival Kubang Kerian Sejahtera yang sarat dengan pengisian bermanfaat dan program menarik," katanya menerusi laman rasmi, pada Isnin.

Beliau turut mengajak orang ramai memanfaatkan ruang yang ada sepanjang karnival berlangsung untuk menjalin hubungan sesama masyarakat.

"Manfaatkan ruang ini untuk bertemu dan mengeratkan ukhuwah sesama kita. Bawa keluarga serta sahabat handai hadir ke Kar-

nival Kubang Kerian Sejahtera," ujarnya.

Karnival selama empat hari itu antaranya menampilkan program berbentuk kerohanian seperti Kuliah Israk Mikraj bersama Ahli Parlimen Kubang Kerian, Kuliah Maghrib bersama Ustaz Azil Yacob serta Malam Cinta Gaza, selain sesi Santai Bersama PU Rahmat Ikhsan.

Turut diadakan acara kebudayaan dan hiburan terkawal termasuk persembahan Dikir Barat

bersama Emie Sukmasari dan Amran DBA serta Malam Simfoni Dikir Barat 2026 yang dijangka menarik penyertaan masyarakat setempat.

Selain itu, pelbagai aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan turut disediakan seperti Hari Kanak-kanak Parlimen Kubang Kerian, himpunan motosikal berkuasa tinggi, Kukes Car Auto Show, Kejohanan Dam Aji, Plogging Run, program derma darah dan pameran kesihatan.



Kelantan-CelcomDigi bincang strategi perkukuh ekosistem digital negeri

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Januari - Kerajaan Negeri Kelantan bersama CelcomDigi mengadakan pertemuan ke arah kerjasama strategik dalam agenda digital yang berpotensi memberi manfaat kepada rakyat serta pembangunan negeri.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, pertemuan itu dijangka membuka ruang perbincangan lebih luas khususnya dalam memperkukuh ekosistem digital negeri Kelantan.

Menurutnya, hubungan baik yang terjalin antara kedua-dua pi-



hak diharap dapat diterjemahkan melalui pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi yang memberi nilai tambah kepada masyarakat.

"Insya Allah, kerjasama ini mampu menyumbang kepada pembangunan digital negeri dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memperkukuhkan eko-

sistem digital Negeri Kelantan," katanya menerusi media sosial, pada Selasa

Terdahulu, beliau menerima kunjungan hormat daripada pihak CelcomDigi di pejabat beliau di Mabna Kompleks Kota Darulnaim, di sini.

Kunjungan hormat itu diketuai



oleh CelcomDigi Head of Business Technology Johan Affendi, yang mewakili syarikat telekomunikasi dan digital terkemuka di Malaysia itu.

Turut hadir, Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad.

Nilai rabbani teras tazkiyah an-nafs – TMB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Januari - "Nilai rabbani perlu ditarbiah dan ditanam secara menyeluruh dalam diri setiap anggota masyarakat kerana ia merupakan teras kepada tazkiyah an-nafs serta asas kepada pembinaan insan agar mereka sedar hakikat penciptaan mereka adalah sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi."

Demikian kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan menerusi media sosial pada Sabtu.

Menurutnya, penghayatan dan penerapan nilai Rabbani mampu membentuk fikrah berpandukan wahyu, menundukkan hawa nafsu di bawah bimbingan iman serta melahirkan amal yang lahir daripada taqwa, ihsan dan rasa muraqabah kepada Allah SWT.

"Hasil daripada kesedaran itu-lah akan terbit akhlak, amanah dan



tanggungjawab yang bukan bersifat luaran semata-mata, sebaliknya lahir daripada kesedaran batin.

"Tanpa nilai rabbani yang hidup dalam jiwa, manusia mudah hanyut dalam tipu daya dunia sehingga maksiat dinormalisasikan, dosa dianggap biasa dan kesalahan terus dilakukan walaupun hati kecil mengakui ia dimurkai Allah," katanya.

Atas kesedaran itu, Kerajaan Negeri Kelantan memperkenalkan Budaya Komuniti Rabbani (K-Rabb) sebagai usaha pembaharuan berterusan untuk menghidupkan nilai ketuhanan dalam kehidupan bermasyarakat.

Pendekatan tersebut bertujuan membentuk suasana solehah agar setiap individu sentiasa merasakan dirinya berada di bawah pengawasan Allah SWT, bukan sekadar tunduk kepada peraturan dan penilaian manusia.

"Nilai rabbani tidak dibiarkan terasing dalam ruang ibadah sema-

ta-mata, sebaliknya dihidupkan dalam seluruh dimensi kehidupan termasuk cara berfikir, bekerja, berinteraksi, membuat keputusan dan mengurus amanah sehingga agama benar-benar menjadi manhaj hidup, bukan sekadar hiasan slogan," huraikannya.

Dalam masa sama, penerapan nilai rabbani turut digerakkan menerusi sektor pendidikan apabila pelajar sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang dibimbing berasaskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK).

Pendekatan itu bertujuan melahirkan generasi mutarabbi yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malah memiliki kesedaran iman yang mendalam, memahami batas halal dan haram serta mampu menahan diri daripada maksiat walaupun peluang terbuka luas.

"Pendidikan rabbani mendidik pelajar bahawa dunia hanyalah medan ujian dan persinggahan se-

mentara, bukan destinasi akhir. Setiap pilihan hidup adalah amanah dan setiap amal akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa masyarakat tidak seharusnya terus bergelumbang dalam dosa dengan berlindung di sebalik alasan nafsu, tekanan atau kebiasaan sedangkan hakikatnya setiap insan mesti sedar bahawa kehidupan dunia ini pasti berakhir.

Kesedaran itu juga yang ingin dihidupkan melalui Dasar Membangun Bersama Islam yang digagaskan oleh Allahyarham Tan Sri, Dato' Bentara Setia, Tuan Guru, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat bagi membentuk masyarakat yang takut kepada Allah bukan kerana pengawasan manusia, tetapi kerana keyakinan terhadap hisab, pembalasan dan pertemuan dengan-Nya.

"Natijah yang diharapkan ialah terbentuknya masyarakat yang benar-benar beragama, di mana iman diterjemahkan dalam akhlak, ilmu melahirkan tanggungjawab, manakala kuasa dan amanah dipandu oleh taqwa," ujarnya.

Tegasnya, itulah ciri masyarakat rabbani yang memelihara diri daripada dosa, menjaga maruah insan serta membina kehidupan dunia dengan pandangan akhirat demi memperoleh keredaan Allah SWT sebagai matlamat tertinggi kehidupan.

Lima kawasan mendulang emas diwartakan di Kelantan bagi fasa pertama

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Januari - Kerajaan Negeri Kelantanewartakan lima kawasan mendulang emas bagi pelaksanaan fasa pertama aktiviti berkenaan, kata Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan.

Beliau berkata, kawasan yang diwartakan ialah Sungai Tadoh dan Sungai Pergau di Jeli, Sungai Gentiang di Kuala Krai, Sungai Galas di Gua Musang dan Sungai Bertam di Tanah Merah.

Menurutnya, pewartaan kawasan itu telah dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) dan aktiviti mendulang hanya dibenarkan dalam radius dua kilometer dari tapak yang akan ditanda di setiap lokasi bermula hari ini, 14 Januari 2026.

"Penandaan ini bertujuan memudahkan pendulang mengenal pasti kawasan yang dibenarkan serta membantu pihak berkuasa menjalankan pemantauan di lokasi terlibat," katanya kepada media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, hari ini.

Dato' Dr Mohamed Fadzli ber-



kata, kawasan yang diwartakan dikenal pasti mempunyai potensi emas berdasarkan maklumat orang awam dan pernah menjadi lokasi aktiviti mendulang sebelum ini.

Beliau menegaskan hanya pendulang yang memiliki lesen sah dibenarkan menjalankan aktiviti mendulang, manakala sebarang aktiviti mendulang tanpa lesen adalah satu kesalahan.

Tambahnya, setakat ini sebanyak 332 permohonan lesen mendulang emas diterima, dengan 178 pemohon sudah membuat bayaran pemprosesan lesen manakala selebihnya masih dalam proses tapisan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

"Lesen mendulang emas fasa pertama dijangka dikeluarkan pada 21 Januari 2026 dan pemegang lesen dibenarkan mendulang di semua kawasan yang telah diwartakan," katanya.

Beliau turut mengingatkan semua pihak supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan pendulang.

"Kerajaan negeri akan menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan semua syarat dipatuhi demi keselamatan dan kemashlahatan pendulang," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dato' Dr Mohamed Fadzli memaklumkan dua syarikat pem-

beli emas telah berdaftar dengan Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan iaitu TCS Aurics Sdn Bhd dan Jadekey Sdn Bhd.

"Pembeli emas ini dicadangkan menjual hasil emas yang dibeli kepada anak syarikat kerajaan negeri Kelantan iaitu Kelantan Gold Trade (KGT)," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan sekiranya aktiviti mendulang berjalan dengan lancar, kerajaan negeri akan membuat kajian untuk perluaskan lagi kawasan mendulang.

"Kalau ada masalah berbangkit, kerajaan akan buat kajian untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah tersebut," katanya.

Galeri Stong Geopark siap dibina



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 11 Januari - Galeri Stong Geopark telah siap dibina dan kini memasuki fasa pengisian pameran bagi memperkenalkan khazanah geologi dan warisan alam Gunung Stong, sebelum dibuka kepada umum.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, galeri tersebut merupakan bangunan baharu di bawah pengurusan Muzium Negeri Kelantan dan bakal menjadi pusat rujukan berkaitan Stong

Geopark.

"Saya mengadakan lawatan kerja dan tinjauan ke Galeri Stong Geopark, sebuah bangunan baharu di bawah pengurusan Muzium Negeri Kelantan.

"Bangunan ini telah siap dibina dan kini berada pada fasa pengisian pameran. Inilah peringkat penting sebelum galeri ini dibuka kepada umum, kerana di sinilah kandungan cerita Stong Geopark akan dibentuk dan disampaikan kepada pengunjung," katanya di laman rasmi pada Khamis.

Terdahulu, beliau diiringi Ahli Dewan Negeri (ADN) Dabong YB Ku Mohd Zaki Ku Hussin dan Pengarah Muzium Negeri Kelantan Norhalis Mohamed Noor melawat galeri tersebut pada Rabu.

Menurutnya, Stong Geopark mempunyai nilai geologi, biodiversiti dan landskap semula jadi yang besar, merangkumi Gunung Stong, air terjun jelawang, rangkaian gua serta kawasan sekitarnya yang menjadi tarikan utama.

"Gunung Stong, air terjun Jelawang, rangkaian gua dan kawasan

sekitarnya bukan hanya tarikan alam, tetapi sebahagian daripada khazanah ilmu dan warisan negeri," ujarnya.

Katanya lagi, galeri tersebut akan berperanan sebagai pusat interpretasi serta lokasi rujukan awal kepada pelajar, penyelidik dan pelancong sebelum melakukan aktiviti lapangan.

"Galeri ini akan berperanan sebagai pusat interpretasi. Tempat rujukan awal untuk pelajar, penyelidik dan pelancong memahami Stong Geopark sebelum turun ke lapangan. Ia juga membuka ruang pendidikan dan kesedaran awam tentang kepentingan pemuliharaan alam," jelasnya.

Beliau berharap galeri tersebut akan menjadi mercu tanda baharu negeri.

"Insya Allah, dengan kerjasama semua pihak, Galeri Stong Geopark akan menjadi satu lagi mercu tanda ilmu dan pelancongan berteraskan warisan di Kelantan," katanya.

Pemprosesan penuh REE, tadbir urus mineral di Kelantan **memaksimumkan nilai sumber**



Oleh: Norzana Razaly

Dalam landskap ekonomi global yang semakin bergantung kepada teknologi tinggi, unsur nadir bumi atau rare earth elements (REE) muncul sebagai mineral strategik yang menentukan daya saing negara. Daripada komponen bateri kenderaan elektrik, turbin tenaga boleh baharu, sehinggalah kepada peralatan pertahanan dan elektronik berprestasi tinggi, REE menjadi nadi kepada ekonomi masa hadapan.

Justeru, pendirian Kerajaan Negeri Kelantan untuk memastikan REE diproses sepenuhnya di negeri ini, merangkumi peringkat hulu, pertengahan dan hiliran, wajar dibaca bukan sekadar sebagai hasrat ekonomi, tetapi sebagai pernyataan kedaulatan sumber dan keadilan nilai.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa kerajaan negeri tidak mahu REE dieksport dalam bentuk mentah. Penegasan ini membawa makna besar dalam wacana ekonomi sumber kerana sejarah menunjukkan bahawa negara atau wilayah yang hanya menjual bahan mentah lazimnya terperangkap dalam rantai nilai rendah.

Nilai sebenar

Dalam konteks REE, nilai sebenar bukan terletak pada bahan mentah yang digali, tetapi pada proses pemisahan, penulenan, pembuatan bahan antara dan seterusnya penghasilan produk berteknologi tinggi.

Pendekatan pemprosesan menyeluruh dari hulu ke hiliran membuka ruang limpahan ekonomi yang lebih luas kepada Kelantan. Dari sudut ekonomi mineral, aktiviti hulu seperti

penerokaan dan perlombongan hanya menyumbang sebahagian kecil nilai tambah.

Sebaliknya, aktiviti pertengahan seperti pemprosesan kimia, pengasingan unsur, serta aktiviti hiliran seperti pembuatan komponen industri dan aplikasi teknologi, menawarkan pulangan ekonomi yang berlipat ganda. Inilah rasional mengapa kerajaan negeri mahu pembinaan kilang pemprosesan dilakukan di Kelantan, bukan di luar sempadan negeri atau negara.



Cipta peluang kerja

Selain limpahan ekonomi, pemprosesan tempatan juga menjadi pemangkin kepada penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi dan pemindahan teknologi. Industri REE memerlukan kepakaran dalam bidang kejuruteraan kimia, metalurgi, sains bahan dan pengurusan sisa industri. Sekiranya ekosistem ini dibangunkan secara terancang, Kelantan berpotensi melahirkan tenaga mahir tempatan yang memenuhi keperluan industri negeri, bahkan mampu bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Langkah kerajaan negeri menandatangani memorandum persefahaman dengan Lynas Malaysia serta mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat lain, termasuk dari luar nega-

ra, memperlihatkan kesediaan Kelantan untuk menjadi pemain serius dalam rantai bekalan REE global.

Namun, pendekatan berhati-hati yang diambil, khususnya dalam memilih rakan strategik terbaik, adalah satu keperluan. Industri REE bukan sahaja kompleks dari sudut teknikal, malah sensitif dari sudut alam sekitar dan geopolitik. Oleh itu, keupayaan teknologi, rekod pematuhan alam sekitar, serta kesediaan pelabur untuk memindahkan ilmu dan membina kapasiti tempatan wajar dijadikan kriteria utama pemilihan.

Dalam masa yang sama, isu tadbir urus tidak boleh dipisahkan daripada pembangunan mineral. Dato' Dr Mohamed Fadzli menjelaskan bahawa pengurusan REE di Kelantan masih tertakluk kepada Enakmen Mineral sedia ada, manakala dasar luar negara berkaitan REE berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Keadaan ini menuntut penyelarasan dasar yang rapi antara kerajaan negeri dan persekutuan agar pembangunan REE tidak terencat oleh kekaburan peraturan. Garis panduan yang jelas amat penting bagi memastikan pelaburan berjalan lancar, pematuhan undang-undang terjaga dan kepentingan awam terus terpelihara.

Pendekatan sistematik kerajaan negeri dalam pengurusan mineral turut dapat dilihat melalui pewartaan lima kawasan mendulang emas bagi fasa pertama, melibatkan Sungai Tadoh dan Sungai Pergau di Jeli, Sungai Gentiang di Kuala Krai, Sungai Galas di Gua Musang serta Sungai Bertam di Tanah Merah.

Pewartaan ini membuka ruang ekonomi kepada penduduk setempat sekali gus mencerminkan usaha kerajaan untuk mengawal selia aktiviti perlombongan kecil agar tidak berlaku eksploitasi tidak terkawal.



Daripada perspektif ekonomi sumber, aktiviti mendulang emas berskala kecil sering terdedah kepada isu ketirisan, keselamatan dan kemerosotan alam sekitar sekiranya tidak diurus dengan baik. Oleh itu, ketetapan radius dua kilometer, keperluan lesen sah, serta pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa merupakan mekanisme penting untuk memastikan aktiviti ini memberi manfaat ekonomi tanpa mengorbankan keselamatan dan kelestarian alam.

Kawalan hiliran



Penerimaan 332 permohonan lesen mendulang emas, dengan sebahagiannya telah melepasi peringkat bayaran dan tapisan, menunjukkan minat masyarakat terhadap sektor ini. Namun, penegasan bahawa hanya pendulang berlesen dibenarkan beroperasi membawa mesej jelas bahawa kerajaan negeri mengutamakan tatakelola berbanding keuntungan jangka pendek. Dalam hal ini, penglibatan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta pematuhan SOP keselamatan mencerminkan pendekatan berinstitusi yang matang.

Penubuhan rantai pembelian emas melalui syarikat berdaftar seperti TCS Aurics Sdn Bhd dan Jadekey Sdn Bhd, yang dicadang-

kan menjual hasil emas kepada anak syarikat kerajaan negeri Kelantan Gold Trade (KGT), memperlihatkan usaha mengukuhkan kawalan hiliran. Strategi ini penting bagi mengelakkan kebocoran hasil, menjamin ketelusan harga dan memastikan pulangan ekonomi kekal dalam ekosistem negeri.

Jika diperhatikan secara menyeluruh, agenda REE dan pengurusan emas di Kelantan berkongsi satu falsafah yang sama, iaitu memaksimumkan nilai sumber melalui kawalan rantai nilai dan tadbir urus berhemah. Sama ada REE yang berteknologi tinggi atau emas yang bersifat tradisional, kedua-duanya menuntut keseimbangan antara eksploitasi ekonomi, kelestarian alam dan kepentingan sosial.

Kesimpulan

Hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk memproses REE sepenuhnya di negeri ini mencerminkan anjakan pemikiran daripada ekonomi ekstraktif kepada ekonomi nilai tambah. Digabungkan dengan pendekatan tersusun dalam aktiviti mendulang emas, Kelantan sedang membina naratif baharu dalam pengurusan sumber mineral, iaitu naratif yang berpaksikan kedaulatan sumber, keadilan ekonomi dan kelestarian jangka panjang.

Dalam dunia yang semakin kompetitif, inilah asas penting untuk memastikan kekayaan bumi benar-benar menjadi rahmat kepada rakyat, bukan sekadar angka dalam statistik eksport.



Kemajuan LRA Chicha 2 capai hampir 60 peratus, **dijangka siap pertengahan tahun ini**

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Januari

- Projek pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Chicha 2 menunjukkan kemajuan memberangsangkan apabila hampir 60 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun ini bagi membekalkan sehingga 45 juta liter sehari (JLH) air terawat kepada pengguna.

Timbalan Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Saizol Ismail berkata, pembinaan LRA Chicha 2 berjalan mengikut perancangan dan dijangka dapat menyelesaikan isu gangguan bekalan air.

“Dengan kapasiti pengeluaran 45 JLH, projek ini amat penting dalam meningkatkan sistem bekalan air di negeri ini serta dapat menyelesaikan masalah gangguan bekalan air bersih khususnya di kawasan Kota Bharu Selatan (KBS) dan Kota Bharu Timur (KBT) apabila siap kelak,” katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Terdahulu YB Saizol mewakili



Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr Izani Husin membuat lawatan ke tapak projek LRA Chicha 2 dan LRA Tanjung Mas bagi meninjau kemajuan semasa pelaksanaan pelaksanaan projek.

Dalam lawatan yang sama, beliau turut meninjau kerja-kerja penukaran paip agihan di kawasan Kubur Tanjong yang sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil (NRW) serta meningkatkan teka-

nan dan kualiti bekalan air kepada pengguna.

Lawatan berkenaan turut disertai Pengarah Wilayah Timur Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Azamy Abdul Aziz serta Pengarah SPAN Kelantan Hazi-zul Sham Mohamed Husein. Turut hadir wakil Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Ir. Abdul Samad Sulaiman dan Ir. Shamsunazarudin Shah Mohd Salleh.


Kata YB Saizol lagi, semua pihak terlibat telah berkongsi pen-

“

Dengan kapasiti pengeluaran 45 JLH, projek ini amat penting dalam meningkatkan sistem bekalan air di negeri ini serta dapat menyelesaikan masalah gangguan bekalan air bersih khususnya di kawasan Kota Bharu Selatan (KBS) dan Kota Bharu Timur (KBT) apabila siap kelak,”

jelasan terperinci mengenai status kemajuan projek, cabaran pelaksanaan di lapangan serta perancangan seterusnya bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual.

“Kerjasama berterusan antara semua pihak berkepentingan diharap dapat memastikan projek-projek infrastruktur air ini disiapkan dengan jayanya dan seterusnya memberi impak positif terhadap kualiti serta kesinambungan bekalan air kepada rakyat Kelantan,” jelasnya.



Pameran Wajah Seni Warisan Malaysia medan wacana seni visual tempatan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 15 Januari – Pameran Wajah Seni Warisan Malaysia yang berlangsung di Balai Seni Lukis Kelantan dari 25 November 2025 hingga 29 Januari 2026 tampil sebagai medan apresiasi dan wacana seni visual tempatan, sekali gus memperkuat ekosistem seni dan ekonomi kreatif negeri bersempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, Kelantan dikenali sebagai negeri yang berteraskan nilai keislaman dan adat resam bahkan memiliki khazanah seni dan budaya yang subur serta berakar sejak turun-temurun.

Menurutnya, seni lukis berperanan sebagai medium penting yang merakam sejarah, pemikiran dan kehalusan jiwa masyarakat, sekali gus menjadi cermin kepada perjalanan zaman dan pembentukan identiti kolektif.

“Seni visual tidak hadir sekadar untuk dinikmati secara estetik, tetapi berfungsi sebagai dokumen peradaban yang menyimpan nilai, gagasan dan pengalaman masyarakat,” katanya ketika merasmikan program Sepetang Bersama Legasi Ismail Embong di pekarangan Balai Seni Lukis Kelantan, pada Rabu.

Program berkonsep santai itu menampilkan Tokoh Seni Negara yang juga pelukis tersohor Malaysia Ismail Embong bersama dua anaknya, Fatimah Rohani (Emma



Maembong) dan Siti Nur ‘Ashikin (Shikin Maembong), yang memperlihatkan kesinambungan tradisi dan pemikiran seni dalam sebuah keluarga pengkarya tersohor.

Sepanjang tempoh pameran, karya-karya keluarga Ismail Embong dipamerkan kepada umum dan ditawarkan untuk jualan bermula pada harga RM25,000, tertakluk kepada rundingan mengikut medium, saiz dan motif pengolahan visual.

YB Zamakhshari memaklumkan, pameran tersebut mendapat sokongan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sebagai sebahagian usaha menyahut aspirasi nasional dalam merencanakan sektor pelancongan budaya, di samping mengukuhkan kedudukan Kelantan dalam peta seni visual negara.

Beliau turut menjelaskan bahawa penubuhan Balai Seni Lukis Kelantan mencerminkan iltizam berterusan kerajaan negeri untuk

memelihara, mengangkat dan memartabatkan seni visual tempatan agar kekal relevan dalam arus perubahan zaman.

“Balai seni ini bukan sekadar ruang pameran, malah berfungsi sebagai pusat dokumentasi dan rujukan seni visual, platform pembinaan bakat seniman muda, ruang interaksi antara seniman dan masyarakat serta pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi kreatif negeri,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat menjayakan pameran ini, termasuk kerajaan negeri, penggiat seni serta agensi yang memberi sokongan secara langsung atau tidak langsung.

Tambahnya, pameran berkeanaan turut memperkenalkan kepada masyarakat kewujudan Balai Seni Lukis Kelantan, yang ditubuhkan pada 28 Mac 1988 dan telah disempurnakan perasmian

“

Seni visual tidak hadir sekadar untuk dinikmati secara estetik, tetapi berfungsi sebagai dokumen peradaban yang menyimpan nilai, gagasan dan pengalaman masyarakat,”

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan, sebagai institusi penting dalam landskap seni tampak negeri.

Oleh itu, YB Zamakhshari berharap balai seni ini akan terus menjadi wadah subur yang melahirkan lebih ramai pelukis dan pengkarya tempatan berwibawa, seterusnya berupaya menembusi pentas nasional dan antarabangsa.

“Seni yang berpaksikan nilai, adab dan jati diri mampu menjadi jambatan antara generasi lama dan baharu. Saya berharap balai seni ini sentiasa dihidupkan dengan pameran, bengkel, diskusi dan program seni yang inklusif serta berimpak,” katanya.

Beliau juga optimis Pameran Wajah Seni Warisan Malaysia mampu menarik kehadiran peminat seni, pelajar dan pelancong, sekali gus memperteguh peranan seni visual sebagai wahana penyatuan masyarakat dan pembangunan budaya negeri.





Pameran Wajah Seni Warisan Malaysia medan wacana seni visual tempatan

Kelantan tuan rumah SUKMA 2028, projek naik taraf infrastruktur diluluskan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 Januari - Pemilihan Kelantan sebagai tuan rumah SUKMA 2028 buat julung kalinya dilihat sebagai pengiktirafan terhadap keupayaan negeri itu serta peluang penting untuk memperkukuh imej Kelantan di peringkat nasional, sekali gus menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur, sukan dan pelancongan negeri itu.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Dato' Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal berkata, untuk tujuan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) telah meluluskan cadangan kerajaan negeri bagi melebarkan jalan susur keluar Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai.

Menurutnya, projek pelebaran jalan itu melibatkan laluan bermula dari persimpangan Kok Lanas hingga ke jalan masuk Kompleks Sukan Bukit Merbau, yang dijangka memberi impak positif terhadap kelancaran aliran trafik.



"Kelulusan ini amat penting bagi menampung peningkatan pergerakan kenderaan, khususnya ketika penganjuran SUKMA 2028 kelak, selain memudahkan akses ke Kompleks Sukan Bukit Merbau."

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Khas Tahun Baharu 2026 dan Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Pada masa sama, beberapa gelanggang acara, kemudahan latihan serta penginapan atlet sedang giat dinaik taraf bagi memastikan tahap kesiapsiagaan yang rapi dan penganjuran temasya yang lancar.

"Usaha ini bukan sahaja bertujuan menjayakan SUKMA 2028, malah diharap dapat memberi impak positif jangka panjang kepada pembangunan sukan dan pertumbuhan ekonomi setempat," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean memaklumkan bahawa kerajaan negeri turut meneruskan usaha mempromosikan sektor pelancongan Kelantan melalui penganjuran pelbagai acara dan program selari dengan perisytiharan Tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Malaysia.

Tambahnya, dengan jangkaan siapnya projek penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra



(LTSIP), Kota Bharu menjelang Syawal tahun ini, Kelantan kini berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi untuk menerima kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Kelantan menawarkan pelbagai produk pelancongan yang menonjolkan keunikan budaya, seni, warisan keislaman serta keindahan alam semula jadi," ujarinya.

Selain destinasi ekopelancongan popular seperti Dabong dan Gua Musang, beliau juga memaklumkan bahawa Kelantan juga memiliki pulau-pulau semula jadi yang menarik di jajahan Tumpat, yang berpotensi menjadi tarikan baharu kepada pelancong.

Prestasi Kelantan Red Warriors FC beri petanda positif untuk bola sepak Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 15 Januari - Kelantan Red Warriors FC (KRWFC) menunjukkan perkembangan positif dalam saingan Liga A1 Semi-Pro musim 2025/2026 apabila kini berada di kedudukan keenam liga dengan lapan

kemenangan daripada 16 perlawanan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud merakamkan tahniah kepada Kelantan Red Warriors FC atas prestasi tersebut.

"Syabas kepada Kelantan Red



Warriors FC yang kini menduduki tangga keenam dalam kejohanan Liga A1 Semi-Pro 2025/2026 dengan 8 kemenangan setelah menempuh 16 perlawanan, termasuk kemenangan ke atas Selangor FC II 2 hari yang lalu" katanya melalui laman rasmi, semalam.

Terdahulu, beliau menerima

kunjungan hormat daripada Presiden Kelantan Red Warriors FC Dato' Muhammad Zaki Harun di pejabatnya.

Menteri Besar Kelantan menyifatkan pertemuan itu sebagai peluang penting untuk membincangkan hala tuju dan strategi pembangunan bola sepak negeri.

"Perbincangan kami menzahirkan komitmen bersama untuk memartabatkan bola sepak negeri serta memperkukuh sokongan kepada barisan pemain dan pengurusan kelab.

"Insya Allah, kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam membangunkan industri sukan bola sepak di Kelantan" ujarinya.